



## **Tawaran Menjalani Latihan Praktikal di Syarikat Digital Hill Sdn Bhd**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Syarikat kami, Digital Hill Sdn Bhd (DigiHill) dengan sukacitanya ingin menawarkan tempat bagi para pelajar di Universiti ini untuk menjalani latihan praktikal bagi kursus-kursus yang berkaitan dengan ICT.

Syarikat kami yang terletak di Putra World Trade Center (PWTC), Kuala Lumpur telah ditubuhkan pada September, 2008 dengan gabungan pengalaman pengarah-pengarah kami yang melebihi 100 tahun pengalaman bekerja.

DigiHill adalah syarikat Perumus Sistem ICT (ICT Systems Integration) dengan fokus perniagaan tertumpu kepada perisian dan teknologi SMS, Sistem Pengurusan Eksekutif (EIS), "Mobile Computing", teknologi Portal / Aplikasi Web dan teknologi Kad Pintar.

Kami mengalu-alukan para pelajar yang ingin mencari pengalaman di dalam bidang yang disebut di atas bagi bulan November hingga March 2010. Para pelajar akan didedahkan dengan pengetahuan dan projek yang berkaitan dengan Aplikasi Web, Secured SMS dan EIS. Kami memberi keutamaan kepada pelajar yang boleh berdikari, kreatif, kuat bekerja, ingin belajar sesuatu yang baru dan boleh berkomunikasi dengan baik di dalam Bahasa Malaysia dan Inggeris.

Pelajar yang mempunyai pengetahuan dan pernah mengambil kursus-kursus berkaitan dengan PHP/ASP, Java, .Net, 4th GL dan C++ adalah amat dialu-alukan.

Sila berhubung dengan syarikat kami dengan menghantar resume kepada Puan Maisun - [maisun@digitalhill.com.my](mailto:maisun@digitalhill.com.my) atau En. Abu - [abu@digitalhill.com.my](mailto:abu@digitalhill.com.my) dengan menyertakan salinan CV terkini. Sebarang pertanyaan anda boleh menghubungi nombor telefon 03-4044 4208. Syarikat kami akan memberikan eluan kepada pelajar yang diterima masuk untuk program latihan praktikal ini.

Sekian

Digital Hill Sdn Bhd  
(833721-H)